

Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.  
Jawab *semua* soalan.



1. Apakah wilayah di bawah pengaruh Kesultanan Melayu Melaka?

- A Siam
- B Funan
- C Patani
- D Srivijaya

2. Karya berikut adalah hasil tulisan Raden Adjeng Kartini.

- Habislah Gelap Terbitlah Terang
- Penulisan Seorang Puteri Jawa


Apakah isu utama yang diperjuangkan oleh beliau dalam karya-karya tersebut?

- A Memperkukuhkan ekonomi
- B Mendedahkan penindasan
- C Mengkritik pemerintah
- D Menentang imigran

3. Apakah faktor yang mendorong kepada perkembangan kesedaran nasionalisme di Tanah Melayu?

- A Kelahiran intelektual
- B Sokongan kerajaan
- C Kemajuan ekonomi
- D Sekatan penjajah

4. Gambar berikut berkaitan Jelutong Press di Pulau Pinang pada awal abad ke-20.



Apakah kesan daripada penubuhannya?

- A Memajukan ekonomi
  - B Mengembangkan demokrasi
  - C Menggalakkan persaudaraan
  - D Menyemarakkan nasionalisme
5. Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941-1945) juga dikenali sebagai Perang Pasifik. Mengapakah perang tersebut berlaku?

- A Keperluan perindustrian
- B Perluasan ideologi komunis
- C Kegagalan perjanjian damai
- D Pembunuhan bakal maharaja

- Leftenan Adnan Saidi
- Leftenan Ibrahim Alla Ditta MC

6. Mengapakah tokoh-tokoh tersebut perlu dihargai oleh generasi muda hari ini?

- I Mengamalkan sikap sanggup berkorban
- II Menjalinkan hubungan dengan negara luar
- III Mempertahankan kedaulatan institusi beraja
- IV Memperlihatkan semangat juang yang tinggi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7. Pada 1 Julai 1946, Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. Apakah kesan tindakan tersebut?
- A Wilayah-wilayah kecil bersatu
  - B Kaum imigran semakin berkurang
  - C Menjadi tanah jajahan kuasa asing
  - D Mendapat taraf pemerintahan sendiri
8. Perdana Menteri Britain ketika itu berusaha mencari tanah jajahan baharu yang berpotensi menggantikan Sri Lanka, India dan Burma. Mengapakah Sabah dipilih?
- A Teknologi perindustrian maju
  - B Sistem demokrasi kukuh
  - C Penduduk paling ramai
  - D Sumber bahan mentah
9. Maklumat berikut berkaitan tindakan pentadbir British.

- Menyokong konsep Persekutuan
- Melibatkan Raja-raja Melayu dan UMNO dalam rundingan

Mengapakah tindakan tersebut diambil?

- I Mewujudkan kemajuan ekonomi
  - II Memudahkan peluasan kuasa
  - III Merapatkan hubungan kaum
  - IV Menstabilkan keadaan politik
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

10. Apakah perkara yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Syarat kewarganegaraan
  - B Pendidikan vernakular
  - C Kemerdekaan negara
  - D Pilihanraya umum
11. Mengapakah Rundingan Baling gagal mencapai persetujuan?
- A Kerajaan menolak syarat Chin Peng
  - B Wakil British tidak menghadiri rundingan
  - C Parti Komunis Malaya membatalkan pertemuan
  - D Tunku Abdul Rahman enggan menamatkan darurat
12. Apakah kesan pengisytiharan darurat 1948 dari aspek politik?
- A Mengukuhkan hubungan kaum
  - B Meningkatkan kos perbelanjaan
  - C Memulihkan kepercayaan rakyat
  - D Mempercepatkan kemerdekaan negara
13. Apakah teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan yang dikemukakan oleh Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956?
- I Kurikulum yang seragam
  - II Sistem persekolahan sama
  - III Memperkasa sekolah rendah
  - IV Pembiayaan pendidikan teratur
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

14. Konvensyen Kebangsaan telah dianjurkan oleh UMNO dan MCA pada bulan Ogos 1954. Apakah keputusan yang dibuat dalam konvensyen tersebut?
- A Cadangan pembentukan pemerintahan sendiri
  - B Tuntutan penerimaan satu kewarganegaraan
  - C Penubuhan parti politik kebangsaan
  - D Desakan mengadakan pilihan raya
15. Pilihan raya di Tanah Melayu diadakan bermula dari peringkat perbandaran, negeri dan persekutuan. Apakah kepentingan pilihan raya tersebut?
- A Memperkukuh nasionalisme
  - B Membentuk kerajaan
  - C Melatih penduduk
  - D Melantik raja
16. Mengapakah pembentukan Majlis Perundangan Persekutuan penting kepada usaha mencapai kemerdekaan?
- A Sistem pemerintahan tentera dilaksanakan
  - B Pemimpin tempatan mentadbir negara
  - C Bilangan pegawai asing bertambah
  - D Kuasa mutlak kepada raja
17. Apakah isu yang menjadi terma rujukan untuk merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- A Mengekalkan raja berkuasa mutlak
  - B Mewujudkan kerajaan negeri yang kuat
  - C Menyediakan satu bentuk kewarganegaraan
  - D Mengukuhkan kedudukan rakyat pelbagai kaum

18. Maklumat berkaitan langkah penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

| Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu                                                                                                                                                                       |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Menerima memorandum pelbagai pihak</li><li>• Penghasilan draf perlembagaan</li><li>• Reaksi terhadap draf perlembagaan</li><li>• Perbincangan dengan kerajaan British</li></ul> |

Langkah-langkah tersebut menggambarkan bahawa proses penggubalan perlembagaan menekankan nilai

- A kejujuran  
B ketabahan  
C kesyukuran  
D keterbukaan
19. Apakah peranan Jawatankuasa Fizikal dalam menyambut kemerdekaan negara?

- A Menonjolkan identiti negara  
B Mematuhi prinsip kenegaraan  
C Mempertahankan warisan bangsa  
D Mendukung perlembagaan negara

| Tahun       | Rancangan Pembangunan Negara |
|-------------|------------------------------|
| 1956 - 1960 | Rancangan Malaya Pertama     |

20. Apakah sumbangan rancangan tersebut kepada negara?

- I Pengurangan kadar kemiskinan  
II Persaingan dengan negara maju  
III Penyusunan semula masyarakat  
IV Peningkatan ekonomi luar bandar

- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV



21. Bagaimanakah seseorang perwakilan dalam amalan Demokrasi Berparlimen dilantik?
- A Pemilihan melalui pilihanraya
  - B Pelantikan Badan Kehakiman
  - C Pemilihan Yang Dipertuan Agong
  - D Pelantikan berdasarkan pengalaman
22. Bagaimanakah rakyat boleh membantu negara dalam mewujudkan kestabilan politik?
- A Melaksanakan undang-undang negara
  - B Mengamalkan semangat toleransi
  - C Merangka program perpaduan
  - D Menyokong dasar kerajaan
23. Antara berikut, yang manakah merupakan ciri tradisional dalam Perlembagaan Persekutuan?
- A Kewarganegaraan
  - B Persekutuan
  - C Kesultanan
  - D Demokrasi
24. Apakah rumusan yang dapat dibuat tentang pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1963 dan 1965?
- A Mengukuhkan kedaulatan sistem beraja
  - B Menyesuaikan perubahan politik negara
  - C Mewujudkan sebuah pemerintahan republik
  - D Menguatkan kuasa pentadbiran persekutuan

25. Apakah peranan Majlis Raja-raja dalam Perlembagaan Persekutuan?

- I Memperkenan pindaan perlembagaan perkara tertentu
- II Memberikan nasihat pelantikan jawatan penting
- III Menggubal rang undang-undang persekutuan
- IV Mengukuhkan kedudukan istimewa kaum lain

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26.

Kerajaan bercadang membubarkan Parlimen  
sebelum tamat penggal lima tahun.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, apakah peranan Yang di-Pertuan Agong dalam situasi tersebut?

- A Melaksanakan mekanisme semak imbang
- B Mencadangkan kerjasama parti politik
- C Menggunakan kuasa budi bicara
- D Menentukan tarikh pilihan raya

27. Maklumat berikut berkaitan dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

- Perak
- Pahang
- Selangor
- Negeri Sembilan

Apakah faktor British menyatukan negeri-negeri tersebut dalam sebuah persekutuan?

- A Mengawal kaum dagang
- B Memperkukuh kuasa sultan
- C Meningkatkan kutipan cukai
- D Mengukuhkan kedudukan British



28. Antara berikut, yang manakah merupakan majlis yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi Menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?
- I Majlis Kewangan Negara
  - II Majlis Tanah Negara
  - III Majlis Air Negara
  - IV Majlis Raja-raja
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
29. Cadangan awal penggabungan Sarawak, Sabah, negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat (NNS) telah dikemukakan oleh
- A Malcom MacDonald
  - B Gerald Templer
  - C Lord Brassey
  - D Geofroy Tory
30. Mengapakah tarikh Pembentukan Malaysia ditunda dari 31 Ogos 1963 ke 16 September 1963?
- A Cadangan Tunku Abdul Rahman
  - B Menunggu laporan Setiausaha PBB
  - C Sekatan perdagangan oleh negara lain
  - D Serangan Tentera Nasional Kalimantan Utara

31. Apakah cabaran dalaman yang dihadapi selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963?
- I Perpaduan kaum
  - II Pembangunan ekonomi
  - III Pemerintahan parti politik
  - IV Pemupukan semangat kenegerian
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
32. Penyebaran berita palsu telah menyukarkan usaha Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) menyelesaikan konflik peristiwa 13 Mei 1969. Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah tersebut?
- A Membentuk Jabatan Penerangan
  - B Mengawal penulisan wartawan
  - C Menguatkuasa Akta Hasutan
  - D Menyemak kesahihan berita
33. Apakah matlamat utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1996?
- A Memperkenalkan sistem peperiksaan awam
  - B Meningkatkan penggunaan bahasa asing
  - C Menambah bilangan sekolah menengah
  - D Membentuk insan yang seimbang
34. Apakah tujuan Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan?
- A Memantapkan ekonomi negara
  - B Memajukan industri pelancongan
  - C Meningkatkan pendapatan rakyat
  - D Memperkukuhkan perpaduan kaum

35. Maklumat berikut berkaitan rancangan pembangunan di bawah Dasar Ekonomi Baru.

|                                        |
|----------------------------------------|
| Rancangan Malaysia Kedua (1971 – 1975) |
|----------------------------------------|

Mengapakah rancangan tersebut diperkenalkan?

- A Memanfaatkan sumber tempatan
  - B Melancarkan pentadbiran negara
  - C Mengukuhkan keamanan serantau
  - D Menambahkan pendapatan rakyat
36. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) bermatlamat untuk mencapai perpaduan. Bagaimanakah hasrat tersebut dapat dicapai?
- A Melaksanakan ekonomi kawalan
  - B Melicinkan pengurusan kewangan
  - C Menghapuskan kemiskinan rakyat
  - D Meningkatkan sektor perindustrian
37. Apakah peranan Malaysia sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?
- A Meningkatkan kestabilan politik
  - B Mengekalkan keamanan dunia
  - C Menganggotai pakatan negara
  - D Menyertai perdagangan dunia

|                                                                                                       |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 3K                                                                                                    |
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Keganasan</li><li>• Kemiskinan</li><li>• Kemunduran</li></ul> |

38. Berdasarkan maklumat berikut, apakah cadangan Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam menghadapi tohmahan terhadap masyarakat Islam?
- A Mengamalkan nilai kesederhanaan
  - B Menubuhkan pakatan ketenteraan
  - C Mendapatkan bantuan pertahanan
  - D Meningkatkan keselamatan negara



39. Maklumat berikut berkaitan kerjasama pembangunan segi tiga.

| Kerjasama   |                                                                      |
|-------------|----------------------------------------------------------------------|
| IMT - GT    | Indonesia- Malaysia- Thailand<br>Growth Triangle                     |
| SIJORI - GT | Singapura - Johor - Riau<br>Growth Triangle                          |
| BIMP - EAGA | Brunei - Indonesia - Malaysia - Philipines<br>East ASEAN Growth Area |

Apakah manfaat yang diperoleh Malaysia daripada kerjasama tersebut?

- A Membasmi penipuan perdagangan
  - B Meningkatkan kadar cukai eksport
  - C Membendung kemelesetan ekonomi
  - D Mengurangkan monopoli negara maju
40. Apakah pendirian Malaysia berkenaan isu benua Antartika dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?
- A Memberi bantuan teknologi
  - B Kekayaan milik negara maju
  - C Perkongsian hasil penerokaan
  - D Sumber bumi dikecualikan cukai

----- Kertas soalan tamat -----